

# → HARTANAH

**DIARI**  
HARTANAH

→ Pameran Hartanah Bumiputera (BPEX) 2016 akan diadakan di Legar Putra, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini dan esok. Pameran itu dibuka dari jam 11 pagi hingga 7 malam. Acara akan mempamerkan beberapa hartanah daripada pelbagai pemaju yang menjual lot Bumiputera kepada pembeli berpotensi.

→ Pameran Pelaburan Hartanah & Rumah anjuran portal pencarian hartanah iProperty.com akan diadakan di Pusat Pameran Mid Valley dari 17 hingga 19 Februari 2017. Acara tiga hari akan disertai barisan pemaju hartanah terkemuka dari seluruh negara.

→ Portal carian hartenah, Property Insight akan mengadakan Pameran Hartanah Property Insight di pusat beli belah Publika, Kuala Lumpur dari 3 hingga 5 Mac 2017. Pameran selama tiga hari itu dibuka dari jam 10 pagi hingga 10 malam.

# Rumah persaraan alternatif kediaman warga emas

## Hartanah & Anda



**Sr Sulaiman Saheh**

Penulis ialah Pengarah Penyelidikan dan Perancangan Strategik di Rahim & Co International, sebuah syarikat perunding hartanah di Malaysia dan boleh dihubungi di sulaimansaheh@rahim-co.com

### Fakta nombor

**2.96 JUTA**

warga Malaysia berusia 60 tahun ke atas pada 2016

**11.1 PERATUS**

daripada jumlah penduduk Malaysia berusia 60 tahun ke atas pada 2020

**15 PERATUS**

daripada jumlah penduduk Malaysia berusia 60 tahun ke atas pada 2030

Baru-baru ini terdapat berita individu meninggalkan orang ibu bapa mereka di pusat kebajikan dan terus melenyapkan diri yang menimbulkan isu tentang penjagaan warga emas dan cabaran oleh masyarakat untuk menyediakan rumah bagi golongan ini.

Terdapat juga anak yang mengambil berat tetapi jarang dilihat melawat ibu bapa di pusat penjagaan disebabkan kekangan pengangkutan, kurang kemampuan untuk menyara atau kesibukan kerja.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim baru-baru ini, pihak kerajaan tidak akan menambah rumah kebajikan untuk warga emas bagi menggalakkan penjagaan oleh keluarga mereka sendiri.

Situasi ini perlu diambil perhatian kerana penjagaan warga emas memerlukan ruang kediaman yang kondusif, kemudahan dan kelengkapan yang sesuai dengan tahap kesihatan mereka selain komitmen individu berkenaan untuk memantau keadaan kesihatan warga tua di rumah mereka.

**Perlu aktiviti elak rasa tersisih**  
Di samping itu, warga emas juga memerlukan aktiviti bagi membolehkan mereka berkomunikasi dan tidak rasa tersisih.

Setakat ini, menurut unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah mereka yang berusia 60 tahun ke atas di Malaysia keseluruhannya dijangka mencapai 2.96 juta pada tahun ini.

Angka ini menunjukkan 9.3 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk di Malaysia dan dijangka meningkat ke 11.1 peratus pada 2020 dan melebihi 15 peratus menjelang 2030.

Secara amnya, tidak banyak penyediaan rumah yang sesuai dengan individu yang memiliki komitmen bagi penjagaan ibu bapa yang lanjut



Lakaran Green Acres Retirement Village di Ipoh.

usia dilihat pada waktu ini.

Majoritinya adalah rumah penjagaan orang tua atau rumah kebajikan yang disediakan badan kerajaan dan bukan kerajaan.

Di negara yang berhadapan dengan situasi seperti ini mereka mewujudkan sistem kediaman yang dikenali sebagai rumah persaraan seperti Australian Unity Mt Eymard di Australia.

Skim ini bertujuan menempatkan warga emas secara khas dengan pakej kemudahan tertentu mengikut kehendak dan keperluan semasa individu yang bakal menduduki rumah persaraan itu.

Pada peringkat tempatan, penyediaan rumah seperti ini adalah terhad dan berpotensi tinggi. Kadar permintaan untuk rumah persaraan moden dengan kelengkapan khidmat penjagaan geriatric dan paliatif dijangka

semakin bertambah dengan faktor seperti pertambahan penduduk, jangka hayat lebih panjang, peningkatan pendapatan dan gaya hidup moden.

### Dua contoh rumah persaraan di Malaysia

Operasi dan pelaksanaan skim rumah persaraan membabitkan pelbagai sektor seperti hartanah, perubatan dan pengurusan hospitaliti.

Walaupun rumah persaraan yang lengkap dengan skala besar terhad di Malaysia sekarang, terdapat beberapa projek yang sudah dilancarkan di dalam negara.

Antaranya Green Acres Retirement Village di Ipoh, Perak dan Eden on The Park di Kuching, Sarawak.

Penyediaan kediaman yang sesuai dengan keperluan semasa bagi penjagaan warga emas

ini penting untuk membantu memudahkan urusan harian bagi mereka yang mempunyai komitmen semasa.

Secara tidak langsung langkah ini juga membantu meringankan beban masyarakat moden yang bekerjaya dalam usaha mengimbangi keperluan mereka.

Yang pasti, pembinaan rumah persaraan mungkin boleh dilihat dengan lebih mendalam supaya ia sesuai dengan trend semasa masyarakat di negara ini.

Produk seperti ini baru diperkenalkan dan tahap permintaannya masih dalam pemerhatian. Oleh itu, pakej yang disertakan bagi rumah persaraan yang akan dibina ini perlu dikaji dengan teliti agar sesuai dengan permintaan pasaran dengan penjenamaan yang lebih sensitif serta sesuai dengan cara hidup masyarakat di Asia dan khususnya di Malaysia ini.